

Lindungi kerahsiaan

BAGAIMANAKAH cara untuk melindungi kerahsiaan peribadi menerusi penggunaan telefon pintar kerana pada hari banyak aplikasi menerusi Internet digunakan?

-Tang, Paka.

Aplikasi mudah alih boleh menjadikan hidup seharian lebih mudah. Aplikasi ini mencapai maklumat yang disimpan dalam telefon pintar untuk melakukan beberapa perkara seperti mengingatkan tentang pelantikan, mencari kedai dan restoran berhampiran atau memberitahu sama ada terdapat gangguan lalu lintas pada sesuatu perjalanan.

Namun begitu, segala kemudahan ini datang dengan beberapa pembayaran atau pembalasan yang bukan bersifat kewangan seperti kehilangan beberapa kerahsiaan peribadi seseorang seperti maklumat mengenai lokasi, aktiviti dan akaun seseorang dikongsi dengan komputer pembuat aplikasi.

Kemudiannya, maklumat ini boleh digunakan untuk tujuan pemasaran, dijual kepada syarikat lain atau dicuri sekiranya pelayan aplikasi atau aplikasi tersebut digodam.

Pertama sekali, buang mana-mana aplikasi yang tidak digunakan dan bagi aplikasi sedia ada yang digunakan dikonfigurasi set kerahsiaannya.

Hadkan hanya maklumat tertentu dan diperlukan sahaja dibenarkan untuk

Diskusi ICT



Bersama **FIRKHAN**
sembangict@yahoo.com

dicapai aplikasi tersebut.

Sebagai contoh untuk aplikasi Facebook, boleh ditutup capaiannya kepada kalender telefon, mikrofon dan data lokasi sekurang-kurangnya. Setiap aplikasi dan telefon pintar ada konfigurasi kerahsiaan peribadi masing-masing.

Seterusnya dibincangkan konfigurasi kerahsiaan bagi telefon pintar berasaskan sistem Android dan iPhone.

Sistem Android

- 1** Pergi ke *Settings* > *Manage applications* atau *Applications*.
- 2** Pilih dan pastikan menu, *All Apps* dipilih.
- 3** Pergi ke bawah dan klik pada aplikasi yang dipilih. Di sini juga ada pilihan untuk membuang aplikasi
- 4** Klik pada *Permissions* dan tutup mana-mana yang tidak penting.

Sistem iPhone

- 1** Buka menu *Settings* dan pergi ke bawah aplikasi
- 2** Klik padanya untuk buka menu, *Permissions*.
- 3** Tutup fungsi *Permissions* sekiranya tidak penting.